**BORANG PENDAFTARAN**

Nama:

Organisasi:

Alamat:

No. Tel (Pejabat/HP):

No. Faks:

E-mel:

**Keadah Bayaran:**

Cek / Pesanan Belian (P/O) / Bank Deraf / Pesanan Tempatan (L/O) dan Pindahan Elektronik (EFT).

Sila kembalikan bukti pembayaran dan borang lengkap melalui e-mel **inpuma@um.edu.my.**

**Pembayaran hendaklah dibuat sebelum 3 Mac 2018 kepada:**

BENDAHARI UNIVERSITI MALAYA

**No. Akaun:** 80-0127999-8

**Nama Bank:** CIMB Bank Berhad, Cawangan Universiti Malaya

**Kod Switch:** CIBBMYKL

Yuran

**Tempatan**

RM 500.00/Individu

RM 1,200.00/Kumpulan (Tiga orang)

**Antarabangsa**

150.00 USD (RM 600.00)/Individu

Yuran adalah khusus untuk sesi bicara/ pembentangan, kit persidangan, makanan dan kudapan serta Bicara Makan Malam (*Dinner Talk*). Kos penginapan TIDAK termasuk dalam yuran pendaftaran.

Untuk penginapan, peserta persidangan diberi kadar istimewa oleh Royale Chulan Damansara, Petaling Jaya. Untuk tempahan bilik, sila isi borang tempahan bilik yang disediakan.

**Hubungi kami:**

INSTITUT ANTARABANGSA POLISI AWAM DAN PENGURUSAN (INPUMA),
Aras 3, Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, 50603 Universiti Malaya,
Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 603-79677972/7976
Fax: 603–79677971
https://inpuma.um.edu.my/

Untuk maklumat lanjut sila hubungi,
Fatin Nadhinah (Dina), +603-79672324 / dina727@um.edu.my
Fateen Najwa Anis Khazali (Fateen), +603-79677976 / fateen@um.edu.my
Iskandar, +603 -79672443 / muhdiskandar@um.edu.my

# PERSIDANGAN DINAMIKA HUBUNGAN MALAYSIA - REPUBLIK INDONESIA: PERSAMAAN DALAM PERBEZAAN

5 - 6 MAC 2018

ROYALE CHULAN DAMANSARA



UNIVERSITY OF MALAYA

INPUMA
INTERNATIONAL INSTITUTE OF PUBLIC POLICY AND MANAGEMENT
(Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan)

The Asia Foundation

**Rakan Media Rasmi:**

astro AWANI

**Dengan Kerjasama:**

ISLAMIC RELIEF

INSTITUT PEMERINTAHAN DALAM NEGERI

TM

UNIVERSITY OF MALAYA FACULTY OF LAW



## Pengenalan Persidangan

Persidangan ketiga Hubungan Malaysia-Republik Indonesia (2018) anjuran Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA), Universiti Malaya bertujuan mempertemukan para akademik, pentadbir awam, ahli perniagaan, usahawan, ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pengamal media dan para pelajar dari kedua-dua negara (atau negara lain di rantau ini) yang berminat dengan hubungan intra-ASEAN, khususnya Malaysia-Republik Indonesia serta isu semasa dan cabaran yang berkaitan dengannya. Persidangan ini turut menyediakan ruang untuk meneroka potensi kerjasama susulan dalam bidang penyelidikan antara-disiplin seperti politik dan keselamatan, ekonomi serta pelaburan, amalan tadbir urus dan lain-lain isu utama, cabaran dan rangka strategi susulan berkaitan rantau ASEAN, terutamanya hubungan Malaysia-Republik Indonesia.

## Objektif

Dengan mengambil kira pelbagai aspek hubungan Malaysia-Republik Indonesia, persidangan ini berusaha untuk:

1. Menyemarakkan hubungan dua hala Malaysia-Republik Indonesia dengan mengimbau serta mengambil kira pengalaman sejarah yang lama bagi memperkukuh persahabatan, kepercayaan kolektif dan keprihatinan semasa terhadap masa depan yang semakin mencabar bagi kedua-dua negara, khususnya dalam pengurusan politik, ekonomi dan sosio-budaya.
2. Menyediakan platform bagi mengupas isu-isu semasa, terutamanya yang berkaitan dengan politik, keselamatan, dan ekonomi, serta impaknya ke atas iklim perniagaan dan pelaburan di Republik Indonesia dan Malaysia.
3. Menggalakkan kolaborasi akademik, khususnya dalam aspek penyelidikan dan penerbitan bersama di antara sarjana Malaysia dan Republik Indonesia.

## Sub-tema

- Perspektif sejarah terhadap hubungan antara Malaysia dan Republik Indonesia.
- Perkembangan politik domestik di Malaysia dan Republik Indonesia, serta implikasinya ke atas hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.
- Pertumbuhan dan pembangunan ekonomi di kedua-dua negara dan impaknya ke atas hubungan Malaysia-Republik Indonesia.
- Perbandingan pendekatan dalam program pembangunan belia dan keusahawanan di Malaysia dan Republik Indonesia.
- Peranan media dalam hubungan Malaysia-Republik Indonesia.

## Pembicara Utama



**Tun Dato' Musa Hitam**
Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia
& Pengerusi, Yayasan Sime Darby



**Prof. Emeritus Dorodjatun Kuntjoro-Jakti**
Mantan Menteri Penyelarasan Ekonomi & Kewangan, Republik Indonesia



**Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob**
Pengerusi,
Telekom Malaysia (TM)
Profesor Adjung, INPUMA



**Tuan Herizal Hazri**
Perwakiian Negara,
The Asia Foundation (TAF) Malaysia



**Tan Sri Johan Jaafar**
Kolumnis,
Akhbar *The Star*



**Tan Sri Dato' Dr Mohamed Salleh Mohamed Yassin**
Penasihat Akademik,
Spectrum Education Group



**Prof. Dr H. Wirman Syafri**
Ketua Penyelidik,
Institut Pemerintahan Dalam Negeri (IPDN), Indonesia